

17 AUG 2000

Lee-Dua Hala

LEE: PERSELISIHAN DUA HALA SELESAI DALAM DUA HINGGA TIGA BULAN

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew berkata perselisihan pendapat mengenai isu-isu penting antara Malaysia dan Singapura boleh diselesaikan dalam tempoh dua hingga tiga bulan jika kedua-dua pihak bersedia untuk menerima pandangan satu sama lain.

Perselisihan berhubung dengan bekalan air, penempatan Kompleks CIQ (Kastam, Imigresen dan Kuarantin) dan caruman rakyat Malaysia kepada Kumpulan Wang Simpanan Pusat republik itu.

Bercakap pada satu sidang akhbar pada akhir lawatan kerja empat hari ke sini, beliau berkata Malaysia dan Singapura akan mendapat faedah jika mereka sanggup melupakan perselisihan itu dan maju ke hadapan.

"Saya pulang dengan rasa lebih yakin daripada ketika saya datang," katanya apabila diminta menggambarkan lawatannya ke sini dan pertemuannya selama dua jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata jika wujud tolak ansur dari kedua-dua pihak mengenai isu-isu penting (perkara-perkara perjanjian), mungkin isu-isu itu dapat diselesaikan dalam masa dua hingga tiga bulan.

Perkara-Perkara Perjanjian atau POA telah ditandatangani antara Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Lee ketika beliau masih memegang jawatan perdana menteri Singapura pada November 1990.

Lee berkata isu-isu besar itu adalah masalah-masalah utama.

"Jika kita boleh menyelesaikan perkara-perkara terperinci (dalam masalah ini), dengan mengandaikan terdapat sedikit tolak ansur, maka dalam masa dua atau tiga bulan, perdana menteri (kedua-dua negara) boleh bertemu dan melupakan masalah kita."

Kata Lee, isu-isu ini telah menghadapi kebuntuan bertahun-tahun lamanya dan tidak akan menguntungkan kedua-dua negara jika tidak diselesaikan.

Lee berkata perselisihan tersebut kini tidak berupaya diselesaikan oleh kakitangan awam kerana ia memerlukan keputusan-keputusan politik.

Katanya ia kini bukan lagi soal berbalah mengenai perincian atau prinsip-prinsip asas.

Lee berkata beliau akan mencadangkan kepada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong untuk meminda POA bagi memberi laluan kepada kehendak Dr Mahathir dengan syarat ada "tolak ansur di sebelah pihak lagi."

Katanya, jika ini berlaku, ia bererti bahawa wujud tawar-menawar yang adil dalam pelbagai isu seperti bekalan air, lokasi CIQ dan caruman CPF.

Lee berkata ia perlu merupakan satu pakej semasa dan di mana kedua-dua pihak akan mendapat lebih faedah daripadanya berbanding jika kedua-duanya bertegas.

Katanya kedua-dua pihak akan beruntung jika mereka mengambil langkah untuk mengembalikan keyakinan antarabangsa dengan menyelesaikan perselisihan mereka dan bekerjasama ketika begitu banyak usaha yang diperlukan di rantau ini.

Mengembalikan keyakinan antarabangsa boleh juga bererti bahawa lebih banyak pelaburan akan mengalir masuk ke Malaysia dan Singapura, katanya.

Lee menyatakan bahawa semasa Goh melawat beberapa negara Eropah baru-baru ini, perdana menteri itu sering kali diajukan soalan tentang hubungan beliau dengan Dr Mahathir.

Goh memberitahu mereka bahawa "mereka okay" dan juga meminta Lee menyampaikan perkara ini kepada Dr Mahathir.

Ditanya tentang reaksi Dr Mahathir terhadap kenyataan Goh ini, Lee berkata sambil berseloroh, "Kamu perlu tanya beliau sendiri (Dr Mahathir)."

Bagaimanapun Lee segera berkata bahawa reaksi daripada pemimpin Malaysia itu adalah positif.

Lee juga berkata hakikat bahawa mereka di Eropah bertanya tentang

hubungan dua hala Singapura dengan Malaysia dan bukan tentang situasi di Indonesia menunjukkan bahawa mereka bimbang tentang hubungan antara kedua-dua negara kerana ini menjejaskan keputusan mereka dalam membuat pelaburan.

Katanya, "Dengan kata lain, mereka ingin tahu jika kamu okay, adakah kamu akan bekerjasama dengan mereka (Malaysia)? Jika jawapannya ya, maka wujud sinergi dan lebih banyak pelaburan akan datang daripada kami."

Merujuk kepada kerjasama Asean, Lee berkata perkumpulan itu, yang kini mempunyai 10 anggota sebenarnya didorong oleh lima anggota asal -- Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Bagaimanapun, satu daripada lima yang asal itu, Indonesia, menghadapi sedikit kesukaran pada masa ini manakala empat yang lain sepatutnya menggabungkan sumber-sumber mereka dan membantu Indonesia keluar daripada masalahnya, katanya.

Lee berkata Asean, walaupun wujud masalah di Indonesia, patut menunjukkan bahawa masih terdapat banyak bidang di rantau ini yang stabil dan menawarkan banyak peluang pelaburan.

Katanya Malaysia dan Singapura, yang kini dua ekonomi berprestasi terbaik dalam Asean, mungkin merupakan negara yang mampu menarik sebahagian besar pelaburan asing ke rantau ini jika mereka bekerja rapat untuk membantu diri dan juga jiran-jiran mereka.

Ditanya mengenai cadangan penubuhan Tabung Kewangan Asia, beliau berkata ia sepatutnya berada dalam bidang kuasa Tabung Kewangan Antarabangsa.

Jika ia tidak demikian, adalah sukar untuk memastikan bahawa peminjam akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atas mereka, katanya.

Lee juga diminta pandangannya mengenai Jepun dan beliau berkata bahawa negara itu tidak mampu menjadi kukuh daripada segi ekonomi dalam masa terdekat tetapi akan berbuat demikian dalam masa lima hingga 10 tahun akan datang.

"Saya yakin bahawa mereka akan memberi kebaikan kepada dunia," kata beliau.

-- BERNAMA

SHY KY OS JR AKD